



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 6 MAC 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN Selangor pantau kesan kenaikan SST

Shah Alam: Kementerian Perdagangan Dalam Nege ri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor melalui Ops Kesan 2024 sudah melakukan pemeriksaan ke atas premis hotel dan pusat kesihatan yang beroperasi di negeri itu, susulan pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), bermula 1 Mac.

Jurucakap KPDN Selangor berkata, pemeriksaan bagi memantau kesan kenaikan kadar SST daripada enam kepada lapan peratus itu, menyaksikan tiga notis notis Pengesahan Maklumat Barang dieluarkan kepada premis berkaitan.

Beliau berkata, fokus pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan adalah untuk memastikan pihak berkenaan tidak mengambil kesempatan, membuat kenaikan harga yang bertentangan dengan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Peniaga atau pengusaha premis perniagaan terbabit yang tidak termasuk di dalam perkhidmatan yang terlibat dengan SST lapan peratus diingatkan untuk tidak mengambil kesempatan daripada pelaksanaan kadar baharu SST.

"Jika wujud kesalahan daripada segi perundungan pencatutan, tindakan ke atas mereka akan diambil berdasarkan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya dihubungi Bernama, semalam.

Dalam pada itu, KPDN Selangor mengalu-alukan kerjasama orang ramai mengemukakan aduan dan berkongsi maklumat berkaitan tindakan premis perniagaan menaikkan harga secara tidak wajar serta mengambil kesempatan dengan peralihan kadar SST, bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil.

GUNA LOGO HALAL TAK SAH

KPDN Perak rampas keropok kulit salmon perisa telur masin

Ipoh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas produk makanan ringan popular keropok kulit salmon perisa telur masin menggunakan logo halal tidak sah selepas menyerbu sebuah premis di Kawasan Perindustrian Jelapang di sini, kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan jam 11 pagi itu hasil maklumat awam dan risikan pihaknya berhubung aktiviti memproses makanan produk makanan yang disyaki menggunakan logo halal tidak sah.

Katanya, semakan awal

mendapati logo halal digunakan untuk tujuan perdagangan secara tidak sah. Pengurus premis gagal mengemukakan sebarang perakuan halal yang diperlukan pihak berkuasa.

"Tindakan menyita semua produk yang disyaki menggunakan logo halal tidak sah itu dilakukan. Turut disita dokumen perniagaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, keseluruhan barang rampasan dianggarkan RM88,582.50 dan kes disiasat kerana melanggar Subperenggan 4 (1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 Akta Perihal Dagangan 2011.



KPDN merampas produk makanan ringan popular di premis di Kawasan Perindustrian Jelapang, Ipoh.

Marang: Kerajaan negeri sudah mengeluarkan arahan kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan tidak membenarkan semua pengoperasian bazar Aidilfitri pada malam 1 Syawal.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Terengganu Wan Sukairi Wan Abdullah berkata, ia adalah untuk memberi laluan kepada kerja pembersihan sebelum menjelang hari raya Aidilfitri.

Tiada pengoperasian bazar Aidilfitri pada malam 1 Syawal

Menurutnya, bazar Aidilfitri merujuk kepada aktiviti perniagaan yang membabitkan jualan seperti baju raya, kuih raya dan kelengkapan lain.

Katanya, antara lokasi bazar Aidilfitri yang sering menjadi tumpuan faltu di Dataran Shahbandar, Batu Buruk dan Dataran

Jambatan Angkat (Drawbridge).

"PBT sudah memaklumkan perkara ini kepada pengajur di dalam taklimat yang dilakukan sebelum ini," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Terengganu Kali Pertama 2024 di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah

Marang di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, PBT dan Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) Terengganu secara bersama melaksanakan Bazar Rahmah yang pada awalnya difokuskan empat bazar.

"Empat Bazar Rahmah iaitu Gong Badak, Kuala Nerus; Sura

Gate, Dungun; Hulu Terengganu dan Kampung Raja, Besut.

"Namun, kerajaan negeri memohon kepada KPDN untuk mengembangkan bazar Rahmah ini ke seluruh daerah.

"Ia bertujuan supaya setiap peniaga menyediakan satu menu Rahmah yang ditawarkan pada harga di bawah RM5," katanya.

300 penduduk DUN Permatang ‘serbu’ Program Jualan Rahmah Madani

Penduduk hargai usaha KPDN bantu komuniti setempat, ringankan kos sara hidup

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Kira-kira 300 penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang tidak melepasskan peluang mendapatkan barang keperluan dengan harga lebih murah pada Program Jualan Rahmah (PJR) Madani di Taman Bayu, di sini pada Isnin.

Rata-rata penduduk menyifatkan inisiatif itu memberi manfaat kepada rakyat bagi meringankan beban dalam menangani kos sara hidup.

Seorang pesara kerajaan, Ibrahim Sahudin, 74, berkata, program anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN) sewajarnya dipuji kerana penduduk boleh mendapatkan barang keperluan harian sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga biasa di pasaran setempat.

“Saya memang menanti PJR Madani kerana sebelum ini inisiatif sama diadakan pada Program Madani Rakyat di Kompleks Sukan Kuala Selangor pada 23 Februari lalu.

“Saya dapatkan barang keperluan di sini murah dan ia setidaknya dapat mengurangkan beban kami,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Isnin.



IBRAHIM

Ibrahim yang menetap di Taman Bayu memberitahu, penduduk amat menghargai usaha KPDN bagi membantu komuniti setempat.

“Kami bersyukur kerana dapat membeli barang keperluan tanpa perlu menghadapi beban kewangan tinggi.

“Diharapkan program ini akan terus berjaya dan memberi impak positif kepada masyarakat setempat,” ujarnya.

Bawa keceriaan

Bekas imam masjid, Salleh Mian, 62, berkata, PJR Madani telah memberikan keceriaan kepada masyarakat terutama mereka yang berpendapatan rendah.

Ujarnya, golongan bawah B40 misalnya sering kali terkesan dengan kenaikan harga barang keperluan.

“Biasanya, saya membeli beras putih biasa lima kilogram dengan harga RM20 sekampit, namun kini membelinya dengan hanya RM13 sahaja.

“Begitu juga dengan harga telur isiut RM12 di pasaran, tetapi dijual RM10 di sini dan harga dua ekor ayam RM30 di pasaran berbanding RM20 sahaja dengan penjimatan RM10,” katanya yang menetap di Kampung Raja Musa, Bestari Jaya.

Seorang suri rumah, Roslinda Zainuddin, 51, berkata, penduduk semestinya menanti program bermanfaat seperti itu.

Ujarnya, harga barang asas di pasaran luar sememangnya lebih mahal berbanding inisiatif kerajaan seperti ni.

“Sememangnya saya berbelanja secara berhemah apatah lagi tinggal berdua dengan suami dan sesekeali anak serta cucu pulang ke rumah pada



Sebahagian penduduk membeli sayur-sayuran di PJR Madani di Taman Bayu di sini pada Isnin.

hujung minggu,” ujarnya yang menetap di Kampung Sungai Yu.

Prihatin

Sementara itu, Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang, Mohd Yahya Mat Sahril berkata, kerajaan amat prihatin untuk membantu rakyat.

Jelas beliau, rakyat diberi peluang untuk mendapatkan barang basah pada harga lebih rendah.

“Kerajaan sangat mengambil berat dan saya yakin usaha ini tidak terhenti dan akan diteruskan pada masa akan datang,” ujar beliau.

PJR Madani merupakan salah satu program dilaksanakan KPDN di bawah inisiatif Payung Rahmah Madani dengan menyasarkan potongan harga barang sebanyak 10 hingga 30 peratus dengan keutamaan di lokasi-lokasi rakyat berpendapatan rendah.

PJR Madani ini dilaksanakan di sekitar 222 kawasan Parlimen di seluruh negara meliputi 600 DUN dan 40 zon bagi Wilayah Persekutuan.

Program itu bertujuan merancakkan ekonomi sektor peruncitan kawasan setempat di samping membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Selain itu, program itu juga dapat membantu menghidupkan ekonomi seluruh anggota masyarakat sekali gus membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Antara barang-barang keperluan harian yang diberikan diskaun adalah ayam, ikan dan hasil laut, telur ayam, gula putih bertapis, minyak masak botol, tepung gandum, beras, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Selain itu, barang penjagaan diri, barang pembersihan rumah, lampu pakai buang, barang keperluan sekolah, ubat-ubatan dan lain-lain barang keperluan harian seperti makanaan dan bukan makanaan turut diberikan diskaun.

Program itu dilaksanakan secara fizikal dan bergerak di premis perniagaan terpilih di seluruh negara dan Kawasan penempatan atau tumpuan B40 agar inisiatif ini sampai dan dirasai di segenap pelosus negara.

Program itu menggunakan kaedah lori pickup, van atau sebagainya yang akan bergerak hingga ke kampung dan pedalaman. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat takwim PJR Madani menerusi portal KPDN bagi mengetahui lebih lanjut lokasi dan tarikh pelaksanaan di kawasan berdekatan mereka.



Sebahagian penduduk mendapatkan beras dan ayam yang dijual pada program berkenna.

“PJR Madani merupakan salah satu program dilaksanakan KPDN di bawah inisiatif Payung Rahmah Madani dengan menyasarkan potongan harga barang sebanyak 10 hingga 30 peratus dengan keutamaan di lokasi-lokasi rakyat berpendapatan rendah.”

KPDN serbu kedai runcit sorok minyak peket, gula

MELAKA - Pemilik sebuah restoran di Melaka Raya di sini seolah-olah tamak dan seakan ‘kebal’ apabila berani membuka kedai runcit meskipun belum mendapat sebarang kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Lebih memeranjatkan, kedai runcit itu didakwa baru 10 hari beroperasi dan terletak bersebelahan restoran itu dipercayai turut menjual barang keperluan bersubsidi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka, Norena Jaafar berkata, berdasarkan maklumat orang ramai dan risikan, pihaknya bertindak menyerbu sebuah kedai runcit, dengan kebanyakan barang jualan dikesan tidak

mempunyai tanda harga.

Menurutnya, pemeriksaan menemui kira-kira 493 kilogram (kg) minyak masak peket dan 276 peket gula pasir disorokkan dalam stor yang turut menyimpan barang binaan.

“Hasil pemeriksaan, kedai runcit ini tidak mempunyai lesen PBT dan lesen pemborong.

“KPDN yakin mereka bekalkan barang bersubsidi seperti tepung, gula dan minyak masak ke restoran bersebelahan termasuk dijual pada harga lebih mahal kepada pengguna,” katanya pada Selasa.

Jelas beliau, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana gagal mengemukakan sebarang permit kebenaran.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Move to gauge SST hike impact

KUALA LUMPUR: Ops Kesan 2024 was launched by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry on Friday with the goal of monitoring the impact of the Sales and Service Tax increase from 6% to 8%.

In Kedah, state Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Muhammad Nizam Jamaludin said 52 premises were inspected as of Monday, with three notices issued to owners of three premises involved in the hotel business, health and wellness centres.

"The category of premises inspected are those registered with SST and have sales value of taxable goods that exceed RM500,000 in a year. It involves four categories, namely hotels, health and wellness centres, training centres and laundry outlets."

"The checks were conducted to ensure that businesses do not take advantage by indiscriminately increasing prices that do not follow regulations."

In Johor, 10 notices were issued to those in the hotel and spa business and all premises were given four days to provide feedback so that the ministry could examine whether price adjustments made were in line with the Price Control and Anti-Profiteering Act. – Bernama

RASIONALISASI SUBSIDI PETROL & DIESEL

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa menangguhkan rancangan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini buat sementara waktu.

Bekas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pihaknya memahami tanggungan beban fiskal negara akibat jumlah subsidi bersasar, namun perlu memahami kesengsaran ditanggung rakyat.

Menurutnya, ini susulan rakyat terbeban dengan pelbagai masalah termasuk tekanan kos sara hidup dan kenaikan cukai.

"Kalau dilaksanakan, saya 100 peratus yakin bahawa semua barang dan perkhidmatan akan naik harga dan kita akan lihat lebih ramai rakyat akan sengsara.

"Oleh sebab itu, saya minta kerajaan supaya kaji dengan lebih teliti rancangan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel ini.

"Adakah ia sesuai dilaksanakan pada masa ini ketika rakyat sedang berdepan dengan kenaikan harga barang dan kenaikan berbagai jenis cukai yang amat membebankan mereka,"

'Tangguh elak kos sara hidup naik'



Kalau dilaksanakan, saya 100 peratus yakin bahawa semua barang dan perkhidmatan akan naik harga dan kita akan lihat lebih ramai rakyat akan sengsara"

Muhyiddin

katanya semasa membahaskan Titah Diraja di Dewan Rakyat, semalam.

Dalam pada itu, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh turut melihat penubuhan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai tidak berkesan.

Beliau memberi contoh, pengumuman Ahli Parlimen Bukit Gantang yang juga Pengurus Task Force (Kluster Makanan) NACCOL Datuk Syed Abu

Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mengenai pengenalan Beras Putih Malaysia Madani.

"Yang mana mengikut kenyataannya, cadangan ini sudah dipersetujui oleh Perdana Menteri. Tetapi selepas itu, Menteri Pertanian (Datuk Seri Mohammad Sabu) membuat kejadian itu bukan keputusan kerajaan.

"Sudah jadi caca marba. Yang mana satu betul, yang mana satu tak betul. Ini suatu perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan," katanya.

RM50B SPENT ON FUEL SUBSIDIES LAST YEAR

'DON'T DELAY SUBSIDY REVAMP'

Analysts disagree with Muhyiddin's call to put rationalisation on hold

THE government should not put off plans to rationalise fuel subsidies, say economists.

Professor Emeritus Dr Barjoyai Bardai and Dr Carmelo Ferlito said it was important to prioritise the rationalisation of blanket subsidies.

"The objective of rationalising subsidies is to allow the government to redistribute funds to those most in need," said Barjoyai of Universiti Tun Abdul Razak's Graduate School of Business.

"The rationalisation of subsidies is long overdue. Spending on blanket subsidies is reckless," he said when commenting on former prime minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's call on the government to postpone subsidy rationalisation plans.

It was previously reported that the government will begin rationalising fuel subsidies this year. Last year, it spent more than RM50 billion on fuel subsidies.

Barjoyai said the government should also look to control abuse of other subsidised goods, including cooking oil, chicken and



Professor Emeritus Dr Barjoyai Bardai



Dr Carmelo Ferlito

eggs by ramping up enforcement against cross-border smuggling.

However, Barjoyai said the government should consider putting on hold the recent two per cent hike in service tax.

He said the current tax system was not productive and the government should consider reforming it with focus on direct taxes.

Ferlito said it was imperative to begin rationalisation, even on a small scale, to test and fine-tune the mechanism.

"Second, the commitment to fiscal responsibility so far has been translated only into more taxes, which are fragmenting the fiscal scheme of the country.

"Rationalisation is important, I am more sceptical about the increase in service tax and many additional scattered taxes."

The Centre for Market Educa-

tion chief executive said a country's tax system must be simple and fair to ensure compliance.

He also said the government must ensure policy consistency, reduce involvement in business, and create a more business-friendly environment to "unleash entrepreneurship and enlarge the economic pie".

Earlier, Muhyiddin said in the Dewan Rakyat that he understood the country's fiscal burden was due to the significant amount of subsidies.

"But are we willing to see the people suffer while they are already burdened with various issues related to the cost of living and tax increases?" he said.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, in tabling the 2024 Budget, had announced that the government was planning to rationalise diesel subsidies, allowing it for a select group only.

Cargo transport companies, among others, would still be able to enjoy subsidised diesel.

Muhyiddin said that if the subsidy rationalisation plan was implemented, he was 100 per cent certain that the price of all goods and services would increase.

He added that the government seemed to overlook the burden borne by the people with decisions to raise taxes and other recent price increases.

"It's as if everything is piled onto the people without a comprehensive social safety net strategy.

"Does the government not understand the impact of the Service Tax increase on the overall supply chain, ultimately resulting in nearly all goods increasing in price, with the effects borne by the common people?"

Muhyiddin said the National Cost of Living Action Council (Naccol) had failed to address challenges in the cost of living.


He cited the lingering issues concerning rice stocks and escalating cost of essential items.

"During my tenure in the government, I was involved in managing rice-related matters at the ministry. There was never a shortage of local rice in my time.

"At that time, rice was managed by Bernas. I am not saying that I support a monopoly on rice," he said in the motion of thanks on the royal address yesterday.

He criticised the poor coordination between Naccol and government counterparts, saying that they did not seem to be aligned with each other.

Muhyiddin also stressed the urgency for Naccol to earnestly tackle these challenges proactively to prevent further deterioration, as it would greatly impact the public.



Gesa tangguh rasionalisasi subsidi petrol, diesel

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa kerajaan supaya menangguhkan dahulu rancangan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel.

Menurut Ahli Parlimen Pagoh itu, penangguhan tersebut penting dengan mengambil kira beban kos sara hidup yang ditanggung rakyat ketika ini.

"Mungkin elok kerajaan tangguhkan dahulu rancangan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel buat sementara waktu. Saya faham beban fiskal yang ditanggung oleh negara kita akibat jumlah subsidi yang besar.

"Tetapi pada masa yang sama adakah kita rela melihat rakyat menanggung sengsara dalam keadaan mereka sudah pun terbeban dengan pelbagai masalah yang berkaitan dengan tekanan kos sara hidup dan kenaikan cukai?" soal beliau ketika membahaskan Titah Diraja di Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Muhyiddin berkata, pelaksanaan rasionalisasi subsidi petrol dan diesel itu akan menyebabkan harga barang dan perkhidmatan naik, sekali gus memberi implikasi besar kepada rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.



FOTO: BERNAMA

Muhyiddin (tengah) ketika sidang Dewan Rakyat di Parlimen pada Selasa.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 MAC 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Mar	SST: KPDN Selangor periksa hotel, pusat kesihatan pastikan tiada pihak ambil kesempatan	https://thesun.my/cerita/berita/sst-kpdn-selangor-periksa-hotel-pusat-kesihatan-pastikan-tiada-pihak-ambil-kesempatan-MF12177218	THE SUN
6-Mar	SST: KPDN Selangor periksa hotel, pusat kesihatan pastikan tiada pihak ambil kesempatan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276167	BERNAMA
6-Mar	SST: KPDN Selangor periksa hotel, pusat kesihatan	https://www.malaysiakini.com/news/698280	MALAYSIA KINI
6-Mar	Restoran buka kedai runcit haram simpan gula, minyak	https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/restoran-buka-kedai-runcit-haram-simpan-gula-	KOSMO
6-Mar	Kedai runcit didalangi restoran mamak sorok 1 tan barang subsidi	https://malaysiagazette.com/2024/03/05/kedai-runcit-didalangi-restoran-mamak-sorok-1-tan-barang-	MALAYSIA GAZETTE
6-Mar	Produk 'salmon skin salted egg' tiada logo halal sah disita KPDN	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/produk-salmon-skin-salted-egg-tiada-logo-halal-sah-disita-kpdn-	ASTRO AWANI
6-Mar	KPDN sita keropok guna logo halal tak sah	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1066982/kpdn-sita-keropok-guna-	HARIAN METRO
6-Mar	Produk salmon skin salted egg tiada logo halal sah disita KPDN	https://www.sinarharian.com.my/article/652799/berita/semasa/produk-salmon-skin-salted-egg-tiada-logo-	SINAR HARIAN
6-Mar	Produk makanan ringan guna logo halal tidak sah disita	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/produk-makanan-ringan-guna-logo-halal-tidak-sah-disita/	UTUSAN MALAYSIA

6-Mar	Salted egg salmon skin guna logo halal tidak sah disita	https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/salted-egg-salmon-skin-guna-logo-halal-tidak-sah-disita/	KOSMO
6-Mar	'Salted Egg Salmon Skin' disyaki guna logo tak halal	https://malaysiagazette.com/2024/03/05/salted-egg-salmon-skin-disyaki-guna-logo-tak-halal/	MALAYSIA GAZETTE
6-Mar	'Salted Egg Salmon Skin' viral guna logo tak halal tidak sah, disita	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276180	BERNAMA
6-Mar	Kenaikan SST tidak bebankan golongan rentan – Amir Hamzah	https://malaysiagazette.com/2024/03/05/kenaikan-sst-tidak-bebankan-golongan-rentan-amir-hamzah/	MALAYSIA GAZETTE
6-Mar	Parlimen: Kerajaan laksana Op Kesan pantau kesan kenaikan SST	https://www.tvsarawak.my/2024/03/05/parlimen-kerajaan-laksana-op-kesan-pantau-kesan-kenaikan-sst/	TV SARAWAK
6-Mar	PENDUDUK SERBU JUALAN RAHMAH BAGI DAPATKAN BARANGAN KEPERLUAN	https://bernama.com/bm/news.php?id=2275900	BERNAMA
6-Mar	Program Jualan Rahmah rekod lebih 9 juta pengunjung tahun lalu	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1219168/program-jualan-rahmah-rekod-lebih-9-juta-pengunjung-tahun-lalu	BERITA HARIAN
6-Mar	Tiada aduan diterima berhubung kenaikan harga barang sekolah di Sandakan	https://sabahmedia.com/2024/03/05/tiada-aduan-diterima-berhubung-kenaikan-harga-barangan-sekolah-di-sandakan/	SABAH MEDIA
6-Mar	KPDN Melaka serbu kedai runcit bekal barang bersubsidi kepada restoran	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-melaka-serbu-kedai-runcit-bekal-barang-bersubsidi-kepada-restoran-460989	ASTRO AWANI
6-Mar	Restoran buka kedai runcit untuk simpan barang bersubsidi	https://www.utusan.com.my/nasional/ienayah/2024/03/restoran-buka-kedai-runcit-untuk-simpan-barang-bersubsidi/	UTUSAN MALAYSIA

6-Mar	Buka kedai runcit, bekal barang subsidi ke restoran sendiri tumpas	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/05/buka-kedai-runcit-bekal-barang-subsidi-ke-restoran-sendiri-	FREE MALAYSIA TODAY
6-Mar	Kedai runcit sorok 1 tan barang bersubsidi kena serbu	https://www.melakahariini.my/kedai-runcit-sorok-1-tan-barang-bersubsidi-kena-	MELAKA HARI INI
6-Mar	KPDN MELAKA SERBU KEDAI RUNCIT BEKAL BARANG BER-SUBSIDI KEPADA RESTORAN	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276330	BERNAMA
6-Mar	KPDN Melaka serbu kedai runcit bekal barang bersubsidi kepada restoran	https://thesun.my/cerita/kpdn-melaka-serbu-kedai-runcit-bekal-barang-bersubsidi-kepada-restoran-AF12179768	THE SUN
6-Mar	Vida tak tahu premis kulit ikan salmon disita, sedia beri kerjasama	https://www.kosmo.com.my/2024/03/05/vida-tak-tahu-premis-kulit-ikan-salmon-disita-sedia-beri-kerjasama/	KOSMO
6-Mar	Jualan Ehsan Rahmah di tujuh pasar raya Segi Fresh pada Khamis	https://selangorkini.my/2024/03/jualan-ehsan-rahmah-di-tujuh-pasar-raya-segi-fresh-	SELANGOR KINI
6-Mar	Lapan lokasi Bazar Ramadan Rahmah di Terengganu	https://www.sinarharian.com.my/article/652916/edisi/terengganu/lapan-lokasi-bazar-ramadan-rahmah-di-	SINAR HARIAN
6-Mar	Going cashless: Incentives for Terengganu Bazar Rahmah traders, visitors	https://thesun.my/local_news/going-cashless-incentives-for-terengganu-bazar-rahmah-traders-visitors-OF12179645	THE SUN
6-Mar	Pembayaran tanpa tunai: Insentif buat peniaga, pengunjung Bazar Rahmah sempena Ramadan - KPDN	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pembayaran-tanpa-tunai-insentif-buat-peniaga-pengunjung-bazar-rahmah-sempena-ramadan-kpdn-460960	ASTRO AWANI